

06 JUN 2000

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN KERJA SEMINGGU KE JEPUN

SEPANG, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Jepun pagi ini untuk lawatan kerja seminggu termasuk menghadiri satu persidangan ekonomi dan meninjau teknologi pengilangan terkini bagi memesatkan lagi pembangunan industri di Malaysia.

Perdana Menteri berlepas dengan pesawat Penerbangan Malaysia dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL kira-kira pukul 1.25 pagi ini diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Mereka dijangka tiba di Nagoya, Jepun pada pukul 9 pagi ini (waktu Nagoya)

Dr Mahathir turut diiringi para pegawai dari Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan Wisma Putra untuk lawatan itu.

Persinggahan pertama beliau ialah Nagoya untuk melihat beberapa kilang paling moden milik perbadanan multinasional Jepun selain kilang di Tokyo.

Satu rombongan sektor swasta, yang termasuk Tan Sri Ahmad Johan, presiden AIROD, juga mengiringi Dr Mahathir.

Anak syarikat Airod, SME Aerospace, dijadual menandatangani perjanjian dengan sebuah perbadanan terkemuka Jepun bagi pemerolehan peralatan berkomputer terancang untuk pengeluaran komponen pesawat.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir akan menyertai pemimpin dunia yang lain untuk menghadiri pengebumian mendiang Keizo Obuchi, perdana menteri Jepun yang meninggal dunia pada 14 Mei lepas, enam minggu selepas diserang angin ahmar dan koma.

Pengebumian itu akan berlangsung di Nippon Budokan di Tokyo pada hari Khamis.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir dijadual mengunjungi Yoshiro Mori yang menggantikan Obuchi sebagai perdana menteri.

Ini merupakan lawatan kerja beliau yang pertama ke Jepun selepas beliau mengetuai kerajaan yang memerintah, Barisan Nasional, memenangi pilihan raya umum pada November tahun lepas dan selepas menang tanpa bertanding sebagai presiden Umno pada perhimpunan agung parti itu bulan lepas.

Dr Mahathir dijadual menghadiri satu persidangan penting di Tokyo Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-6 -- yang akan merangka strategi untuk mempercepatkan pemulihan Asia daripada krisis ekonomi yang melanda rantau itu pada 1997.

Perdana Menteri diberi penghormatan menyampaikan ucaptama pada persidangan mengenai masa depan Asia yang dianjurkan oleh kumpulan media Nihon Keizei Shimbun.

-- BERNAMA

RZS MNY zb